

# Pusat Minda Lestari UMS ceriakan penghuni RKKK

UB 30/12/19 5

**KOTAKINABALU:**Program Khidmat Masyarakat 'PML Share and Care' yang dianjurkan Pusat Minda Lestari (PML), Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini memberikan sinar kegembiraan buat penghuni Rumah Kanak-Kanak Kota Kinabalu (RKKK), Beringgis Papar.

Menurut Pengarah PML Aidah Noordin, program itu diadakan bagi melahirkan sikap cakna warga PML terhadap komuniti dengan mendekati diri bersama masyarakat di luar.

"Objektif utama program adalah mewujudkan rasa kasih sayang, kekitaan dan kerja berpasukan dalam kalangan kakitangan PML dengan warga RKKK selain menjalin kerjasama dengan pengurusan RKKK dalam menyediakan keperluan serta memberi kegembiraan kepada penghuni di situ khususnya kanak-kanak dari umur 1 tahun hingga 13 tahun.

"Antara pengisian program khidmat masyarakat ini adalah perkongsian kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) untuk kanak-kanak Taska dan Tadika secara berkesinambungan kepada pendidik di RKKK, mengemas rak Alat Bantu Mengajar (ABM) serta menyumbangkan ABM yang dibuat sendiri oleh kakitangan PML, menambah baik ruang bacaan untuk kanak-kanak Taska dan Tadika, memasang papan tanda RKKK, membaiki tangga Teratak RKKK serta bergotong royong menyediakan jamuan untuk semua penghuni di RKKK," katanya.



**ALBUM:** Aidah serta kakitangan PML UMS bergambar bersama Superidah dan kanak-kanak penghuni RKKK.

Aidah menambah, bagi memberi kegembiraan kepada penghuni kanak-kanak berkenaan, PML juga mengadakan Sambutan Hari Ulang Tahun Kelahiran bagi semua kanak-kanak yang berada di RKKK.

"Suasana riang dan gembira jelas terpancar melalui riak muka kanak-kanak yang diraikan, lebih-lebih lagi kanak-kanak dihiburkan dengan kehadiran maskot Barci dari Nandos yang turut serta memeriahkan majlis disamping mereka dapat merasa juadah makanan dan minuman yang disumbangkan oleh McDonald's," katanya.

Aidah turut menjelaskan, pihak PML UMS merasa amat bertuah kerana program ini mendapat sumbangan daripada ibu bapa dan penjaga kanak-kanak PML serta kakitangan UMS yang lain, yang diantaranya telah menyumbangkan pakaian kanak-kanak, buku dan alat



**SUMBANGAN:** Aidah (lima kiri) menyampaikan sumbangan keperluan kepada Superidah.

tulis, alat permainan, bahan makanan dan keperluan lain.

"Diharapkan pelaksanaan program ini dapat memberi manfaat kepada kanak-kanak RKKK dan dapat merasakan masih ada yang menyayangi diri mereka," katanya.

Dalam pada itu, Pengetua RKKK Superidah Raidin ketika berucap pada acara itu sangat mengalu-alukan program khidmat masyarakat seumpama ini.

"Saya percaya program sebegini akan memberi impak yang sangat besar kepada RKKK dan pastinya akan meninggalkan kenangan yang indah kepada kanak-kanak RKKK," katanya.

Turut hadir dalam program itu, Penolong Pendaftar Kanan PML Faddili Kasin, para penyelia, Pembantu Pengurusan Murid, Pembantu Penyediaan Makanan dan kakitangan pentadbiran PML.